

Bil. S 39

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH AKTA LALULINTAS JALAN RAYA (PINDAAN), 2004

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
 2. Penggantian bab 9 dari Penggal 68.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH AKTA LALULINTAS JALAN RAYA (PINDAAN), 2004

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Lalulintas Jalan Raya (Pindaan), 2004, dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*.

Penggantian bab 9 dari Penggal 68.

2. Akta Lalulintas Jalan Raya adalah dipinda dengan memansuhkan bab 9 dan menggantikannya dengan bab baru yang berikut —

"Pembatalan atau penolakan lesen.

9. Seseorang pegawai melesen boleh membatalkan atau menolak pembaharuan lesen sesebuah kenderaan bermotor atau treler jika —

(a) setelah diperiksa oleh seseorang pemeriksa menurut peruntukan-peruntukan bab 7, dia mendapati kenderaan bermotor atau treler yang dibuat itu atau dalam keadaan yang akan menjadi punca bahaya kepada mana-mana orang yang melakukan perjalanan dalam kenderaan itu atau pengguna-pengguna jalan raya yang lain atau merosakkan jalan raya, atau dengan melanggar sebarang peruntukan Akta ini atau sebarang undang-undang tambahan yang dibuat di bawahnya; atau

(b) dia berpuas hati bahawa pemohon bagi lesen tersebut telah, pada masa permohonan untuk memperbaharui itu, berhutang dengan Kerajaan atau pihak berkuasa tempatan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dari 2 tahun berkaitan dengan kenderaan atau treler tersebut bagi pembayaran mana-mana wang (dengan nama apa pun juga disebut) yang kena dibayar di bawah sebarang peruntukan Akta ini atau sebarang undang-undang tambahan yang dibuat di bawahnya:

Dengan syarat bahawa mana-mana orang yang tidak puas hati boleh memohon supaya keputusan pegawai melesen itu untuk membatalkan atau menolak pembaharuan lesen itu, disahkan oleh Pengarah yang boleh mengesahkan atau membatalkannya atau menggantikannya dengan sebarang keputusan yang boleh dibuat secara sah oleh pegawai melesen itu."

Diperbuat pada hari ini 14 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1425 bersamaan dengan 3 haribulan Jun, 2004 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM